## PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT KE RUMAH JAGAAN HARAPAN AL MAHABBAH

Jabatan Perdagangan Politeknik Seberang Perai (PSP) dengan kerjasama Saniza & Associates (Charted Accountant) telah melaksanakan Program Khidmat Masyarakat ke Rumah Jagaan Harapan Al Mahabbah Nibong Tebal, Pulau Pinang pada 1 Februari 2018. Asrama tersebut menempatkan 43 orang pelajar lelaki yang bersekolah rendah. Rumah tersebut baru sahaja dihuni pada awal 2018 dan mempunyai peralatan dan kemudahan yang sangat minimum dan terhad. Pelbagai aktiviti seperti menanam pokok, pemasangan *curtain rail* dan langsir, mengemas dapur dan ruang halaman telah dijalankan. Namun begitu ketika aktiviti berlangsung, anak-anak tiada di rumah kerana bersekolah. Sumbangan berbentuk barangan dan wang tunai terkumpul berjumlah RM4,437.00 telah berjaya disalurkan. Terima kasih kepada staf dan pelajar Politeknik Seberang Perai, Saniza & Associates dan orang-orang perseorangan yang sudi memberi. Semoga Allah memberi balasan dengan kebaikan yang banyak dan balasan yang terbaik.




ACCOUNTING


Asar 4 55
Maghrib 7 30
Isyak 8 42
Keperluan Mandi
Tilam
Vacum
PAKYA
PAKYA







